

EK

NEGARA-NEGARA MAJU DIKRITIK KERANA MELAMBAKAN KOMODITI

KUALA LUMPUR, 21 JULAI (BE BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGECEM SESETENGAH NEGARA MAJU YANG MENSUBSIDIKAN PENGELUARAN KOMODITI-KOMODITI UTAMA DAN MELAMBAKKANNYA DI PASARAN ASING SETELAH TIDAK DAPAT MEMASARKANNYA DALAM NEGERI.

BERCAKAP MERASMIKAN SEMINAR ANTARABANGSA LIMA HARI MENGENAI KOMODITI-KOMODITI DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA AMALAN ITU SEMAKIN BURUK APABILA IA DIGUNAKAN SEBAGAI ALAT BANTUAN KEPADA NEGARA-NEGARA YANG MEMERLUKAN, YANG SECARA LANGSUNG MENGELAKKAN PERSAINGAN KELUARAN-KELUARAN NEGARA-NEGARA MAJU DALAM PASARAN MEREKA.

DALAM MENKRITIK NEGARA-NEGARA TERSEBUT KERANA BERMUKA-MUKA BELIAU BERKATA MINYAK SOYA, MENTEGA DAN DAGING LEMBU ADALAH ANTARA BARANG-BARANG BANTUAN YANG MENIMBULKAN KERIBUTAN KEPADA EKSPORT KEBANYAKKAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA MAJU TIDAK BERGANTUNG KEPADA KOMODITI-KOMODITI MEREKA UNTUK MENGEKALKAN PARAS PRESTASI EKONOMI MEREKA YANG TINGGI.

SEKIRANYA IA DIKELUARKAN, KATANYA IA ADALAH SEMATA-MATA KERANA KOMODITI-KOMODITI ITU TELAH SEDIA ADA ATAU PENGELUARAN ATAU KAWASAN TANAMAN YANG LUAS TELAH SEDIA MEREKA MILIKI.

+BESAHAGIAN KECIL DARIPADA PENDUDUK NEGARA-NEGARA MAJU TERBABIT DALAM PENGELUARAN KOMODITI-KOMODITI TERSEBUT. TETAPI MEREKA MEMILIKI AHLI-AHLI POLITIK YANG BOLEH MEMAKSA KERAJAAN UNTUK MEMENUHI KEHENDAK MEREKA.

+OLEH ITU PENGELUARAN KOMODITI-KOMODITI TERSEBUT BIASANYA DISUBSIDIKAN. SUBSIDI ITU BIASANYA MENGIATKAN LAGI PENGELUARAN, + TAMBAHNYA.

KERAJAAN DENGAN ITU CUBA MELINDUNGI PASARAN TEMPATAN MEREKA DAN SEKIRANYA KELUARAN ITU TIDAK DAPAT DIPASARKAN, IA AKAN DILAMBAKKAN DALAM PASARAN-PASARAN ASING, KATANYA.

BELIAU BERKATA TERDAPAT SESETENGAH NEGARA-NEGARA BERKUASA MENENTANG PENETAPAN HARGA DAN SUBSIDI SEPERTI YANG DITUNJUKKAN OLEH KEENGGAN MEREKA UNTUK BERGABUNG DENGAN PERJANJIAN-PERJANJIAN KOMODITI KERANA MEREKA MENOLAK PERDAGANGAN BEBAS.

MEREKA JUGA MENENTANG OPERASI STOK-STOK PENIMBAL YANG MENGANGGU KUASA PASARAN DAN MENGANGGAP SUBSIDI SEBAGAI AMALAN YANG TIDAK ADIL YANG SECARA TIDAK LANGSUNG MEMPENGARUHI HARGA-HARGA.

UNTUK BERSAING DENGAN KONSEP MEREKA MENGENAI PASARAN BEBAS, MEREKA MALAHAN MENGANGGAP GAJI YANG RENDAH TERDAPAT DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEBAGAI SATU BENTUK SUBSIDI.

+MEREKA MERANCANGKAN DUTI-DUTI TIMBAL BALAS UNTUK MENAIKKAN HARGA BARANG-BARANG IMPORT YANG MURAH. TETAPI SEBALIKNYA MEREKA LUPA PERKARA INI SEMASA MEREKA MENETAPKAN HARGA-HARGA MEREKA, MELEPASKAN STOK PENIMBAL MEREKA DAN MENYEDIAKAN SUBSIDI YANG BERLEBIHAN, + KATA PERDANA MENTERI.

+YANG NYATANYA TERDAPAT DUA BENTUK BAGI NEGARA-NEGARA INI -- SATU, APA YANG MEREKA LAKUKAN DAN SATU LAGI APA YANG NEGARA-NEGARA LAIN LAKUKAN+.

MENGULAS MENGENAI MANIPULASI HARGA-HARGA, BELIAU BERKATA IA DILAKUKAN BUKAN SAHAJA OLEH KERAJAAN, TETAPI JUGA OLEH PARA PENIAGA NEGARA-NEGARA MAJU.

BELIAU BERKATA KADANGKALA IA MEMBERI FAEDAH KEPADA PARA PENGELUAR, TETAPI KADANGKALA TIDAK, PARA PENGELUAR MENGALAMI KESUKARAN SEBAGAI AGEN, BROKER-BROKER, PARA PENIAGA DAN EKSEKUTIF SPEKULASI PASARAN KOMODITI BAGI KOMODITI-KOMODITI.

SEJAK PASARAN KOMODITI DIMILIKI DAN DIKENDALIKAN OLEH ORANG-ORANG INI, UNDANG-UNDANGNYA BOLEH DISEBUAIKAN DENGAN KEHENDAK MEREKA.

BELIAU BERKATA DALAM BEBERAPA HAL APABILA MEREKA MENGALAMI KERUGIAN YANG BESAR, MEREKA AKAN MENGUBAH PERATURAN ITU UNTUK MENYELAMATKAN KEDUDUKAN MEREKA -- LAGI.

NEGARA-NEGARA MAJ, DIKRITIK 2 KUALA LUMPUR (AKHIB)

+MEREKA MENJALANKAN SATU AMALAN YANG KOTOR. SAYA TIDAK MAHU BERKATA APA-APA LAGI MENGENAINYA,+ TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA, +DALAM BANYAK FAKTOR YANG SAYA SEBUTKAN DI ATAS PERDAGANGAN KOMODITI TELAH HAMPIR MUSNAH+.

PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH BEBERAPA USAHA YANG GAGAL UNTUK MELICINKAN PERATURAN PASARAN, SEPERTI KEGAGALAN PERJANJIAN GETAH ASLI ANTARABANGSA DAN LAIN-LAIN PERJANJIAN KOMODITI.

+ADALAH TIDAK MUNASABAH UNTUK MENERIMA PARA PENGGUNA UNTUK MENAIKKAN HARGA-HARGA. MALAHAN WALAUPUN PERJANJIAN ANTARA PARA PENGELUAR BERJAYA, TETAPI KRISIS TERBARU IALAH YANG MEMBABITKAN OPEC,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DARIPADA SEGI LOGIK PARA ANGGOTA OPEC HARUS MENGHADKAN PENGELUARAN DAN MEMATUHI PERJANJIAN MENGENAI KUOTA PENGELUARAN TETAPI SEBALIKNYA MEREKA LEBIH BERSEDIA UNTUK MENGELOARKAN LEBIH BANYAK DAN UNTUNG SEDIKIT.--DE BERNAHA